

05/05/2001

Tambahan dua tahun (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kakitangan awam akan mendapat tambahan dua tahun perkhidmatan jika cadangan melanjutkan usia pesaraan wajib, daripada 55 kepada 56 tahun, dilaksanakan.

Ini berlaku jika pesaraan ditafsirkan bermula apabila seseorang kakitangan kerajaan berusia genap 56 tahun atau pada hari terakhir menjelang hari jadi yang ke-57.

Ketika ini, tarikh bersara wajib setiap kakitangan awam ialah pada hari ulang tahun mereka ke-55.

Bagaimanapun, jika tafsiran yang membenarkan mereka berkhidmat sehingga akhir usia 55 tahun atau pada hari tarikh lahir ke-56 tahun digunakan, bermakna mereka mendapat tambahan satu tahun.

Sekiranya, cadangan melanjutkan usia pesaraan diluluskan, kakitangan kerajaan mendapat tambahan setahun lagi apabila tempoh perkhidmatan berterusan hingga usia mereka genap 57.

Sebaliknya jika cadangan melanjutkan usia pesaraan kepada 56 tahun tidak diterima kakitangan kerajaan masih mendapat tambahan setahun perkhidmatan dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan berakhir genap usia 56.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan kerajaan akan menggunakan tafsiran yang sama dalam keperluan undang-undang bagi membolehkan umur pesaraan wajib kakitangan awam dilanjutkan kepada 56 tahun.

"Waktu ini, yang berusia 55 mungkin dapat satu tahun lagi. Inilah hasrat kita dan kita yakin kita boleh buat ini kerana implikasi kewangan tidak begitu berat.

"Kita sedang uruskan perkara ini dan akan membuat keputusan mengenainya secepat mungkin. Saya tahu ada seorang yang sudah berusia 76 tahun, tetapi masih bekerja," katanya sambil disambut tepukan gemuruh kira-kira 3,000 kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kelab Kilat, hari ini.

Perdana Menteri yang dalam lawatan kerja ke Ibu Pejabat TNB di Bangsar, menjawab soalan mengenai umur pesaraan, pada majlis dialog dengan pengurusan dan kakitangan syarikat itu.

Ketika ini, hanya mereka dalam kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa), termasuk ketua setiausaha dan guru yang dibenarkan menyambung khidmat selepas bersara. Hakim pula bersara pada usia 65 tahun.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 1999 mencadangkan usia pesaraan kakitangan awam dinaikkan kepada 58 tahun, tetapi Kabinet menolak cadangan itu tahun lalu kerana implikasi kewangannya agak besar.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia melanjutkan umur pesaraan wajib kakitangan awam kepada 56 tahun kerana kesan kewangan ekoran langkah itu, tidak membebankan.

Katanya, adalah satu kerugian bagi rakyat Malaysia yang kini menikmati jangka hayat panjang iaitu lelaki pada usia 70 tahun dan wanita pada 72 tahun, untuk bersara awal pada 55 tahun.

"Kehidupan yang berguna tidak lagi terhad kepada 55 tahun, ia telah meningkat kepada 60. Oleh itu, adalah satu kerugian bagi seseorang yang masih boleh bekerja diberhentikan hanya kerana keperluan undang-undang," katanya.

Beliau menjelaskan, mengikut keperluan undang-undang, seseorang itu akan bersara apabila dia menempuh usia 55 tahun.

"Itu tidak patutlah dan sekiranya kita ubah 56 tahun itu sampai genap 56, ia ada implikasi pula kepada orang yang bersara dulu," katanya.

Beliau berkata, jika tafsiran umur 55 tahun itu diubah kepada bersara apabila genap umur 55 tahun dan bukan menempuh 55 tahun, orang yang bersara sebelum ini akan meminta tambahan gaji bagi 12 bulan terdahulu atas alasan ia dibersarakan lebih awal.

"Kerana itu, kita berpendapat bahawa kita akan guna tafsiran yang sama dan kita kata dia bersara umur 56, bermakna apabila dia menempuh umur 56 atau dia genap umur 55. Jadi ini tidak ada kena mengena dengan orang yang bersara dulu," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga berhasrat meningkatkan umur persaraan kepada 58 tahun dan 60 tahun, tetapi kerana ia mempunyai implikasi kewangan yang besar, ia tidak dapat dilaksanakan serta merta.

Sebaliknya, kerajaan akan meningkatkannya sedikit demi sedikit.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu melakukan pengambilan baru bagi memastikan generasi muda dapat bekerja.

"Kalau kita tidak mengambil kakitangan baru bermakna ramai pula generasi muda ini tidak dapat kerja dan kita perlu terima orang ini serta bayar gaji dia dan bayar juga tambahan satu tahun bagi yang bersara 56 tahun," katanya.

(END)